

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2004/2005

Mei 2005

BST 304/3 – Ekologi dan Pengurusan Hidupan Liar

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

....2/-

1. Ciri-ciri populasi hidupan liar banyak dipengaruhi oleh kehadiran faktor kebajikan seperti makanan, kawasan perumahan dan kawasan perlindungan serta air. Kelimpahan dan kekurangan faktor kebajikan ini akan mempengaruhi ciri-ciri populasi. Bincangkan faktor-faktor di bawah dan berikan contoh spesifik dalam penjelasan anda.

[a] Kawasan perumahan

(10 markah)

[b] Kawasan perlindungan

(10 markah)

2. Hidupan liar mempunyai banyak nilai positif yang kadang kala boleh menjadi negatif. Bincangkan pernyataan ini.

(20 markah)

3. Turun-naik populasi hidupan liar sentiasa berubah mengikut masa. Bincangkan pengaruh kitaran tahunan terhadap turun naik populasi.

(20 markah)

4. Taman Negara merupakan salah satu tempat pemuliharaan '*in-situ*'. Bincangkan pengurusan Taman Negara di Malaysia. Adakah segala bentuk pengurusan yang telah dilakukan memadai atau masih ada lagi ruang untuk peningkatan. Berikan pendapat anda.

(20 markah)

5. Bincangkan secara umum pengurusan salah **SATU** daripada kumpulan hidupan liar berikut:

[a] Burung

[b] Kelawar

(20 markah)

6. Dalam Akta Hidupan Liar dan Taman Negara 1972 terdapat 9 jadual. Jelaskan secara umum tentang jadual:

[a] Jadual 1

(5 markah)

[b] Jadual 11

(5 markah)

[c] Jadual 111

(5 markah)

[d] Jadual 1V

(5 markah)